

## **APLIKASI MyWakalah: PENGURUSAN ZAKAT MELALUI KONSEP WAKALAH ZAKAT OLEH INSTITUSI ZAKAT DI WILAYAH PERSEKUTUAN**

### ***MyWakalah APPLICATION: ZAKAH MANAGEMENT THROUGH THE CONCEPT OF WAKALAH ZAKAH BY ZAKAH INSTITUTION IN THE FEDERAL TERRITORY***

**Faizul Shaiffe<sup>1</sup>  
Shahir Akram Hassan<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Pusat Pungutan Zakat - Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Malaysia dan Calon Pelajar Ijazah Doktor Falsafah, Pusat Kajian dan Pembangunan Islam ISDEV, USM. E-mail (fey\_zullah@yahoo.com)

<sup>2</sup>Pengarah, Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam ISDEV, USM. E-mail: shahirakram@usm.my

#### **Article history**

**Received date** : 1-8-2021  
**Revised date** : 2-8-2021  
**Accepted date** : 25-8-2021  
**Published date** : 20-9-2021

#### **To cite this document:**

Faizul Shaiffe & Shahir Akram Hassan (2021). Aplikasi MyWakalah: Pengurusan Zakat Melalui Konsep Wakalah Zakat oleh Institusi Zakat di Wilayah Persekutuan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(39), 95-102.

**Abstrak:** *Mutakhir ini institusi zakat negeri mula memperkenalkan konsep wakalah zakat dalam meningkatkan kutipan serta meluaskan agihan zakat. Wakalah Zakat merupakan dasar pengembalian wang zakat oleh institusi zakat kepada pembayar zakat (individu, syarikat, majikan dan institusi pengajian tinggi) yang membayar zakat untuk diagihkan semula kepada asnaf yang layak. Wakalah zakat mendapat sambutan yang baik dengan peningkatan permohonan wakalah zakat yang meningkat setiap tahun. Konsep ini merupakan suatu inovasi terkini dalam pengurusan zakat khususnya di Malaysia. Institusi zakat di Wilayah Persekutuan telah mengorak langkah awal dengan mewujudkan aplikasi MyWakalah bagi meningkatkan keefisienan wakalah zakat. Proses permohonan, kelulusan, semakan, sehinggalah proses agihan dapat dilaksanakan secara efisien melalui aplikasi ini. Sehubungan itu, kajian ini mempunyai dua objektif. Pertama, mengenal pasti penggunaan aplikasi MyWakalah. Kedua, menganalisis pengurusan zakat melalui konsep wakalah zakat menggunakan aplikasi MyWakalah. Hasil kajian mendapati MyWakalah merupakan manifestasi pembudayaan teknologi terkini dalam pengurusan zakat khususnya di Wilayah Persekutuan. Aplikasi ini merupakan medium integrasi atas talian secara sepenuhnya yang melibatkan tiga pihak iaitu antara Pusat Pungutan Zakat-MAIWP, Baitulmal-MAIWP dan pembayar zakat. Selain itu, aplikasi MyWakalah juga merupakan suatu aplikasi yang memudahkan urusan perekodan permohonan, kelulusan, semakan dan agihan wakalah zakat. Perekodan ini membolehkan proses pemantauan dan penambahbaikan berterusan bagi konsep wakalah zakat pada masa akan datang.*

**Kata Kunci:** *MyWakalah, Wakalah Zakat, Pemantauan, Inovasi, Efisien*

**Abstract:** *Recently, the state zakah institution has started to introduce the concept of wakalah zakah in order to increase the collection and expanding the distribution of zakah. Wakalah Zakah is a policy of returning zakah money by zakah institutions to zakat payers (individuals, companies, employers and institutions of higher education) to be redistributed to eligible asnaf. Wakalah zakah received a good response with the increase in wakalah zakah applications which increasing each year. This concept is a relatively new innovation in zakah management, especially in Malaysia. Zakah institutions in the Federal Territory have taken the initial step by developing the MyWakalah application to improve zakah wakalah efficiency. The application procedure, approval, review, and distribution process may all be carried out efficiently through this application. Accordingly, this study has two objectives. First, identify the use of the MyWakalah application. Second, analyze the zakah management through the concept of wakalah zakah using the MyWakalah application. According to the findings of the study, MyWakalah is a manifestation of cutting-edge technology in zakah management, particularly in the Federal Territory. This application is an entirely online integration medium involving three parties: the Pusat Pungutan Zakat (PPZ)-MAIWP, Baitulmal-MAIWP, and the zakah payer. In addition, the MyWakalah application is also an application that facilitates the recording of applications, approval, review and distribution of wakalah zakah. This recording enables the process of continuous monitoring and improvement of the concept of wakalah zakah in the future.*

**Keywords:** *MyWakalah, Wakalah Zakah, Monitoring, Innovation, Efficient*

## **Pendahuluan**

Perkembangan institusi zakat di Malaysia menunjukkan kutipan dan agihan zakat meningkat setiap tahun (Laporan Tahunan Jawhar 2020). Perkembangan ini merupakan suatu perkara positif dalam memastikan institusi zakat terus dapat diperkasa untuk kemaslahatan ummah. Peningkatan hasil kutipan zakat membolehkan dana agihan zakat dapat diagih secara meluas dan menyeluruh. Hasilnya, agihan zakat dapat ditingkatkan oleh institusi zakat bagi memastikan kebajikan dan kelangsungan kehidupan asnaf terus terbela (Mohd Ali Mohd Noor, Hairunizam Wahid & Nor Ghani Md Nor, 2004). Pelbagai usaha giat dijalankan setiap tahun dalam memastikan kutipan dan agihan zakat dapat dipertingkatkan melalui pelbagai inovasi kutipan dan agihan yang dilaksanakan oleh institusi zakat<sup>1</sup>. Suatu usaha agihan terkini yang dikenali sebagai wakalah zakat (WAZA) giat dilaksanakan oleh institusi zakat di Malaysia. Wakalah zakat merupakan dasar pengembalian wang zakat oleh Institusi Zakat kepada entiti (individu, syarikat, majikan dan institusi pengajian tinggi) yang membayar zakat untuk diagihkan semula kepada asnaf yang layak (Laporan PPZ-MAIWP, 2019). Konsep WAZA ini mendapat permintaan tinggi dikalangan pembayar zakat. Perkara ini dapat dibuktikan dengan permohonan WAZA meningkat pada jumlah RM 85,550,713.30 pada tahun 2019 berbanding tahun sebelumnya (AZKA-PPZ, Report ABL, 2020). Walaupun

<sup>1</sup> Terdapat 9 saluran bayaran zakat di PPZ-MAIWP: 1). 10 Kaunter PPZ-MAIWP, 2). Portal PPZ-MAIWP, 3). Skim Potongan Zakat Bulanan (PZB), 4). Door to Door, 5). Perbankan Internet, 6) E-Wallet & Online Portal, 7). Kaunter Bank, 8). Kaunter Pejabat Pos, 9). Ejen PPZ-MAIWP.

Terdapat 13 agihan utama zakat di Baitulmal-MAIWP: 1). 28 Skim Agihan zakat Baitulma-MAIWP 2) Wakalah Zakat, 3). Agihan Menerusi Darul Ilmi, 4). Pembinaan Prasarana Umat Islam, 5). Agihan menerusi Darul Kifayah, 6). Agihan menerusi Institut Kemahiran Baitulmal 7). Agihan menerusi Sekolah Menengah Agama MAIWP, 8). Agihan menerusi Pondok Moden Al-Abaqirah, 9). Agihan menerusi Tadika- tadika Islam, 10) Agihan menerusi Kompleks Dar Assaadah, 11). Agihan menerusi Darul Hannan, 12). Agihan menerusi Ma'alim Al-Sunan Li Dirasati Al-Sunnah Al-Nabawiyah, 13) Agihan menerusi Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz

konsep WAZA dilihat sebagai alternatif dalam keterlibatan pembayar zakat dalam proses agihan, namun pengurusan WAZA secara manual akan menyebabkan ketidakefisienan dalam menguruskan agihan zakat yang melibatkan pihak luar serta proses semak dan imbang apabila berlaku ketidakpatuhan dimasa akan datang. Oleh demikian, suatu sistem pengurusan zakat melalui konsep wakalah perlu dipamerkan sebagai perintis kepada institusi zakat yang lain bagi memastikan keefisienan pengurusan zakat dari segi kutipan dan agihan dapat dipertingkatkan. Justeru, kajian ini akan meneliti aplikasi MyWakalah yang merupakan inovasi terkini dilaksanakan oleh institusi zakat Wilayah Persekutuan bagi memastikan pengurusan zakat khususnya dalam WAZA dapat diurus secara efisien.

### **Objektif Kajian**

Kertas kerja mempunyai 2 objektif :

- I. Mengetahui mengenai penggunaan aplikasi MyWakalah.
- II. Menganalisis pengurusan zakat melalui konsep wakalah zakat menggunakan aplikasi MyWakalah.

### **Kajian Lepas**

Pada zaman Rasulullah SAW, tugas kutipan zakat diserahkan kepada amil yang dilantik oleh Baginda. Antara para Sahabat yang dilantik oleh Rasulullah SAW sebagai pegawai pengutip zakat atau amil ialah Abu Musa al-Ashari RA, Umar Ibn al-Lutaybah RA, Muaz bin Jabbal RA, Malik bin Nuwairah RA dan lain-lain lagi. Amalan melantik pengutip zakat yang dikenali sebagai al-sa'ie, musaddiq dan amil ini telah menjadi tanggungjawab dan kewajipan pihak pemerintah selepas Rasulullah SAW pada zaman Khalifah Al-Rasyidin sehinggalah ke hari ini (Talib, 2013).

Menurut Wahid (2009) Kerajaan perlu berperanan dalam mengutip dan mengagihkan zakat sama ada harta yang nyata atau tidak nyata kerana beberapa alasan. Pertamanya wujud individu yang ambil remeh tentang pembayaran zakat. Jika tiada campur tangan oleh kerajaan, maka kemungkinan hak zakat kepada asnaf fakir dan miskin tidak dapat dipenuhi. Keduanya pengagihan zakat oleh kerajaan akan menjaga dan memelihara maruah golongan fakir dan miskin berbanding menerimanya secara terus daripada golongan kaya. Ketiganya jika individu mengagihkan zakat tersebut, ia akan dipengaruhi oleh sikap tertentu yang akan membelakangi konsep pengagihan.

Pada masa kini, kuasa bagi mengutip dan mengagihkan zakat telah diserahkan kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) seperti yang diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Negeri. Terdapat pelbagai bantuan telah disalurkan bagi memastikan golongan asnaf fakir miskin mendapat pembelaan sewajarnya seperti bantuan kewangan/makanan bulanan, bantuan pendidikan, bantuan rumah malah aktiviti-aktiviti ekonomi asnaf telah banyak dilakukan bagi memastikan peningkatan sosio ekonomi di kalangan asnaf (Haji, Shahir, Hajjah & Wahab, 2010).

Agihan zakat kepada golongan asnaf memerlukan satu sistem agihan yang berkesan agar setiap pihak merasakan mereka dilayan dengan adil dan saksama. Oleh itu peranan yang dimainkan oleh pihak pengurusan zakat dalam aspek agihan zakat ini penting untuk diberi perhatian (Sanep Ahmad, 2009).

Agihan zakat secara wakalah yang diaplikasikan oleh MAIWP merupakan contoh sistem agihan zakat yang amat bagus terutama bagi meningkatkan kutipan zakat disebabkan

masyarakat yang mewakili antara empat segmen iaitu individu, IPTA, syarikat dan segmen majikan mendapat peluang untuk mengagihkan sendiri zakat mereka kepada golongan fakir miskin tanpa berdosa mengikut syarat yang ditetapkan (Atiah Ahmad & Hairunnizam Wahid 2017).

Wakalah Zakat (WAZA) merupakan strategi berkesan dalam meningkat kutipan serta melancarkan urusan agihan zakat. Namun aspek pengawalan (hisbah) secara efisien menjadi kewajaran dalam memastikan institusi zakat mempunyai pengurusan yang telus serta berintegriti (Faizul Shaiffe & Shahir Akram Hassan, 2019).

Berdasarkan kajian lepas, tiada kajian yang dilakukan terhadap sistem aplikasi zakat melalui konsep WAZA. Justeru kelompongan kajian terhadap sistem aplikasi zakat melalui konsep WAZA memberi motivasi kepada pengkaji untuk membuat kajian dengan lebih mendalam terhadap aplikasi MyWakalah yang dilaksanakan di Wilayah Persekutuan sebagai pemangkin kepada institusi zakat dan seterusnya memberi nilai tambah kepada pihak institusi zakat dalam memastikan sistem aplikasi melalui konsep WAZA secara teknologi terkini amat diperlukan dalam membantu institusi zakat memperkasakan pengurusan zakat secara efisien.

### Metodologi Kajian

Secara keseluruhan kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Data berbentuk kualitatif diperolehi melalui institusi tersebut. Pengkaji mengkaji tatacara permohonan, semakan, pengesahan dan laporan dalam sistem aplikasi MyWakalah. Pengkaji telah menemubual pegawai yang menguruskan WAZA bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan, kaedah pengumpulan data dan maklumat melalui dokumen bertulis seperti artikel jurnal, kertas kerja, kertas prosiding, laporan tahunan dan sebagainya. Sumber-sumber ini digunakan bertujuan untuk menganalisis sorotan kajian lepas dan juga maklumat berkaitan institusi-institusi berkenaan.

### Hasil Kajian

Hasil kajian mendapati permintaan keatas WAZA meningkat relatif berbanding tahun 2012 sehingga tahun 2019. Pengurusan WAZA diuruskan secara kerjasama antara PPZ dan Baitulmal bagi memastikan pengurusan WAZA dapat dilaksanakan secara efisien oleh pembayar zakat yang menerima WAZA. Jadual 1 menunjukkan data kutipan zakat, agihan Baitulmal dan agihan WAZA pada tahun 2012-2019. Kutipan zakat diuruskan oleh PPZ-MAIWP manakala Baitulmal-MAIWP.

**Jadual 1: Data Kutipan, Agihan Zakat dan WAZA-MAIWP**

Tahun	KUTIPAN -PPZ (RM Juta)	AGIHAN Zakat- Baitulmal (RM Juta)	Agihan Zakat -WAZA (RM Juta)
2012	402.81	258.42	13.55
2013	484.63	303.82	24.57
2014	532.92	381.36	37.87
2015	557.64	565.45	43.27
2016	580.70	403.91	43.81
2017	615.20	403.14	59.13
2018	651.23	375.35	58.20
2019	688.43	568.35	62.98

Sumber : Laporan Tahunan MAIWP 2012-2019

### Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang ditubuhkan pada 1 Februari 1974 merupakan agensi yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, seterusnya Labuan dan Putrajaya turut menyertai Wilayah Persekutuan pada 1984 dan 2001. Bidang utama fungsi MAIWP ialah menguruskan kutipan dan agihan zakat di tiga Wilayah Persekutuan. Pusat Pungutan Zakat -Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) ditubuhkan pada 08 Mac 1991 dan telah dirasmikan oleh YAB Tun Dr. Mahathir yang merupakan Perdana Menteri Malaysia ketika itu. PPZ-MAIWP menempuh sejarah kerana buat kali pertamanya konsep amil yang memungut zakat diganti dengan konsep amil yang bersatu di bawah satu syarikat dengan masing-masing menggabungkan kepakaran bukan sahaja bidang agama tetapi kepakaran perakaunan, komputer, pentadbiran, pemasaran, kesetiausahaan, dan sebagainya sebagai sebuah pasukan yang lengkap melengkap (Laporan Jubli perak 1990-2015 PPZ-MAIWP). Pihak Baitulmal-MAIWP pula berusaha untuk memastikan bantuan atau agihan zakat dapat memberi kesan positif kepada asnaf dengan mewujudkan pelbagai skim bantuan yang inklusif. Pada tahun 2019 jumlah kutipan zakat adalah sebanyak RM688.43 juta serta jumlah agihan zakat berjumlah RM631.33 juta yang telah memberi manfaat penerima bantuan zakat seramai 128,288 orang di Wilayah Persekutuan (Laporan Tahunan MAIWP 2019). Jadual 2 menunjukkan jumlah agihan yang dikeluarkan oleh MAIWP pada tahun 2012 hingga 2019 bagi setiap kategori WAZA. Selaras dengan perkembangan teknologi suatu inovasi dalam permohonan, perekodan dan laporan WAZA dipertingkatkan dengan teknologi terkini oleh PPZ dan MAIWP untuk meningkatkan keefesienan urusan WAZA.

**Jadual 2: Laporan Wakalah Zakat 2012-2019 PPZ-MAIWP**

Tahun	Individu (RM)	Syarikat (RM)	IPT (RM)	Majikan (RM)	Keseluruhan (RM)
2012	2,364,864.30	13,029,968.50	N/A	N/A	15,394,832.80
2013	4,626,344.50	19,229,489.00	520,744.50	N/A	24,376,578.00
2014	8,807,626.60	30,289,851.60	1,353,159.40	N/A	40,450,637.60
2015	13,199,729.80	26,097,908.20	1,550,689.60	N/A	40,848,327.60
2016	13,881,933.80	30,927,003.90	1,883,887.10	N/A	46,692,824.80
2017	14,977,443.90	33,811,784.40	1,915,820.90	18,403,050.00	69,108,099.20
2018	16,951,523.00	27,436,804.70	1,973,921.00	18,517,303.20	64,879,551.90
2019	26,812,297.00	34,806,143.60	2,166,405.00	21,765,867.70	85,550,713.30
<b>Jumlah</b>	<b>101,621,762.90</b>	<b>215,628,953.90</b>	<b>11,364,627.50</b>	<b>58,686,220.90</b>	<b>387,301,565.20</b>

Sumber: AZKA-PPZ, Report ABL, 2020

### Aplikasi MyWakalah

Aplikasi MyWakalah merupakan inovasi terbaru oleh PPZ-MAIWP. Ia telah dilancarkan secara rasmi pada 07 Disember 2020 oleh YB Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohammad Al-Bakri dan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Datuk Haji Akbar Bin Haji Samon. MyWakalah merupakan sistem integrasi atas talian (online) yang dihasilkan secara kerjasama PPZ dan MAIWP untuk memudahkan proses permohonan, semakan kelulusan dan laporan dapat dilaksanakan secara atas talian sepenuhnya.


Aplikasi MyWakalah ini menggantikan sistem permohonan WAZA secara manual yang dilaksanakan sebelum ini. Melalui aplikasi MyWakalah, permohonan serta laporan WAZA tidak lagi menggunakan borang. Aplikasi ini boleh diakses melalui web mahupun peranti

telefon secara aplikasi. Aplikasi MyWakalah mengintegrasikan tiga pihak iaitu pihak PPZ, MAIWP dan Penerima WAZA. Segala urusan semakan kelayakan, permohonan, semakan status permohonan, laporan agihan zakat semuanya dikendalikan secara atas talian secara sepenuhnya. Bagi individu, syarikat, majikan dan IPT yang memenuhi syarat permohonan akan diberi kod tawaran untuk digunakan dalam proses permohonan kali pertama.

### Perbincangan dan Implikasi Dasar

Sejajar dengan objektif PPZ-MAIWP dalam penggunaan teknologi terkini dalam urusan zakat maka kewujudan aplikasi MyWakalah merupakan interpretasi pembudayaan teknologi terkini (Laporan jubli perak 1990-2015 PPZ-MAIWP). Hasil kajian mendapati segala urusan bermula dengan permohonan sehingga proses laporan agihan WAZA boleh dilaksanakan sepenuhnya melalui aplikasi MyWakalah. Keefisienan aplikasi ini dapat dirumuskan terhadap 4 elemen utama:-

Gambar Rajah 1: Elemen utama MyWakalah



Sumber : Manual MyWakalah PPZ

Berdasarkan gambar rajah 1, hanya 4 Elemen utama ini merupakan kesinambungan dalam kaedah permohonan WAZA secara manual yang diterjemahkan secara atas talian melalui aplikasi MyWakalah. Namun dari aspek pemantauan bagi tujuan tapisan asnaf tidak dapat dilaksanakan secara terus (real time). Perkara ini akan menyebabkan berlaku agihan zakat pada individu yang sama secara berulang. Walaupun urusan permohonan, perekodan dan laporan agihan dapat dilaksanakan secara efisien namun aspek pemantauan terhadap agihan asnaf perlu menjadi elemen utama juga. Pengkaji melihat integrasi antara penerima wakalah berkaitan pengesahan asnaf tulen tidak dapat dipastikan secara terus (real time).

Konsep agihan WAZA ini merupakan agihan yang dilaksanakan tanpa memeriksa status asnaf yang menerima itu sendiri berbanding dengan agihan zakat yang dilaksanakan oleh institusi zakat yang akan membuat proses semakan terlebih dahulu sebelum memberi dana zakat kepada asnaf. Walaupun pada proses perekodan penerima akan terpapar maklumat penerima sekiranya terdapat individu yang telah membuat perekodan sebelum ini. Namun jumlah butiran terimaan yang diterima tidak dinyatakan (Manual MyWakalah, PPZ-MAIWP, 2021)

Aplikasi MyWakalah hanya memfokuskan kepada proses permohonan dan agihan WAZA. Ini merugikan penggunaan teknologi dalam mempelbagai dimensi seperti kutipan zakat serta maklumat agihan yang dilaksanakan oleh pihak MAIWP. Terdapat dua cadangan keatas implikasi dasar yang boleh memberi nilai tambah dalam aplikasi MyWakalah.

### **Mewujudkan Semakan Penerimaan Zakat Kepada Asnaf**

Pihak Institusi zakat Wilayah Persekutuan perlu mewujudkan carian semakan asnaf yang lengkap bagi memudahkan penerima WAZA menimbang tara untuk memberikan lagi agihan zakat berdasarkan jumlah yang telah diterima oleh asnaf tersebut. Perkara ini memudahkan proses pemantauan secara terus kepada penerima WAZA dalam membuat pemantauan secara sendiri. Walaupun tujuan WAZA itu sendiri bagi memudahkan urusan agihan zakat dilaksanakan secara terus namun proses pemantauan secara terus (real time) perlu bagi memastikan WAZA tidak hanya tertimbulk pada seseorang individu atau sesebuah persatuan sahaja (Manual MyWakalah, PPZ-MAIWP, 2021)

### **Medium Zakat Setempat**

Penggunaan satu aplikasi zakat secara menyeluruh dapat meningkatkan lagi efisien institusi zakat dari aspek kos kewangan dan sumber guna tenaga dalam menguruskan aplikasi. Institusi zakat di Wilayah Persekutuan mempunyai aplikasi yang berlainan seperti MyZakat (PPZ), MoJA (Baitulmal) dan MyWakalah (PPZ & BAITULMAL). Setiap aplikasi mempunyai sistem yang berbeza namun masih dalam pengurusan zakat samada kutipan (pembayar zakat) dan agihan (asnaf) yang boleh digabungkan kesemua aplikasi ini menjadi suatu sistem integrasi secara bersama. Ini memudahkan semua pihak untuk menggunakan satu sistem aplikasi sahaja yang multi dimensi dari segi penggunaan yang efisien.

### **Kesimpulan**

Aplikasi MyWakalah merupakan suatu usaha murni pihak PPZ dan MAIWP. Namun begitu, aspek pemantauan perlu diperhalusi untuk memastikan aplikasi MyWakalah lebih efisien secara holistik. Semoga penambahbaikan berterusan dapat dilaksanakan bagi memastikan aplikasi MyWakalah ini mempunyai sistem integrasi menyeluruh yang akhirnya dapat diteladani oleh institusi zakat yang lain bagi memastikan sistem pengurusan zakat di Malaysia terus cemerlang dan terbilang di masa akan datang.

### **Rujukan**

- Al-Quran : Al-Taubah (103)  
Al-Qaradawi (1988). Hukum Zakat (terj.). Singapura: Penerbitan Pustaka Nasional Pte. Ltd.  
Al-Mubarak (1970), Al-Mubarak, Muhammad bin Abd al-Qadir. (1970), Ara Ibn Taymiyyah fi al-dawlah wa mada tadakhulluha fi majal al-Iqtisadi. Bayrut: Dar al-Fikr, hlm 73-74  
Atiah Ahmad & Hairunnizam Wahid (2017). Kontrak Wakalah dalam Agihan Zakat: Kajian di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. *Prosiding PERKEM 12*, 44-54.  
Azrin Ibrahim (2013). Hisbah Dalam Pengurusan Islam: Falsafah dan Etika Pelaksanaan. *Jurnal Muamalat, Bil 6: 113*.  
Faizul Shaiffe & Shahir Akram Hassan (2019). Hisbah Dalam Agihan Zakat Melalui Konsep Wakalah Oleh Institusi Zakat : Kajian Di Wilayah Persekutuan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*  
Hadis: Bukhari (1485)  
Hailani Muji Tahir dan Sanep Ahmad (2015). Aplikasi Fiqh Muamalat dalam Sistem Kewangan Islam. UITM, Shah Alam

- Haji, T., Shahir, A., Hajjah, P., & Wahab, A. (2010). Pengurusan zakat di negeri Selangor: *Isu dan cabaran. Prosiding Konvensyen Kebangsaan Perancangan & Pengurusan Harta Dalam Islam.*
- Laporan AZKA-PPZ, Report ABL, 2020
- Laporan Tahunan MAIWP 2014-2017
- Laporan jubli perak 1990-2015 PPZ-MAIWP
- Mohd Ali Mohd Noor, Hairunizam Wahid & Nor Ghani Md Nor. (2004). Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan Kakitangan Profesional Universiti Kebangsaan Malaysia, *Islamiyyat* 26(2), 59-68.
- Monzer Kahf (1993). *Zakah Management in Some Muslim Societies.* Jeddah: IRTI/IDB.
- Monzer Kahf (1995). "Applied Institutional Models for Zakah Collection and Distribution in Islamic Countries and Communities" dlm. el-Ashker dan Sirajul Haq (ed.), *Institutional Framework of Zakah: Dimensions and Implications, Jeddah: IRTI/IDB. hlm. 197-228.*
- Manual MyWakalah, Mengemaskini Agihan Asnaf, PPZ-MAIWP, 2021: Pautan <https://www.youtube.com/watch?v=g93JH-T6QhE>
- Muhsin Nor Paizin & Suhaili Sarif (2018). *Desentralisasi Dalam Organisasi Pengurusan Zakat Di Malaysia.* UMK
- Mujaini Tarimin 1995, Zakat Pengajian: Satu Penilaian Terbaru di Malaysia. Thesis Ph.D Universiti Malaya.
- Mustafa al-Khin, & Mustafa al-Bugha. (2006). 'Ali al-Syarbaji, *Fiqh Minhaji* (Jilid 4). Damsyik: Dar al-Qalam.
- Muzakarah Fatwa Kebangsaan Ke-76 yang bersidang pada 21– 23 November 2006
- Talib, A. R. bin. (2013). Konsep Agihan Zakat Kepada Asnaf Menurut Perspektif Syarak. *Jurnal Pengurusan Jauhar*, 2(2), 7–15.
- Sanep Ahmad. (2009). Agihan Zakat Merentasi Asnaf: Ke Arah Memperkasa Institusi Zakat. *Prosiding Perkem Iv*, 2, 62–74.
- Wahid, H. (2009). Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Di Malaysia : Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati. *Jurnal Syariah, Jil. 17, Bil. 1 (2009) 89- 112 Shariah Journal*, 17(1), 89–112.